

30/11/1998

Penyokong Anwar terus kempen di Jakarta

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Ahad - Penyokong kuat Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mendapat perlindungan di sini terus melancarkan kempen memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kerajaan Malaysia.

Mereka berpeluang memperhebatkan kempen itu dalam majlis pelancaran buku berjudul 'Anwar dan Kebangkitan Asia' di pejabat agensi berita Indonesia, Antara di sini semalam.

Bekas Setiausaha Politik Anwar, Mohamad Ezam Mohd Noor dan bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Ghouse, hadir pada majlis itu.

Majlis itu dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarang Antara, Parni Hadi yang juga seorang tokoh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI).

Menurut seorang tokoh politik tempatan, ramai penyokong Anwar hadir pada majlis berkenaan bertujuan meningkatkan sokongan rakyat Indonesia terhadap Anwar yang dipecat oleh Dr Mahathir.

Ketua Parti Amanat Nasional (Pan), Dr Amien Rais yang juga bekas Ketua Umum Pertubuhan Muhamadiyah yang dijadual memberi ceramah pada majlis itu bagaimanapun tidak hadir kerana ada urusan di luar Jakarta.

Dalam temuramah dengan ANTV semalam, Mohd Ezam memberitahu, Gerakan Angkatan Reformasi Rakyat (GARR) akan ditubuhkan di Kuala Lumpur tidak lama lagi untuk meneruskan perjuangan pembaharuan yang dipelopori Anwar.

Menurutnya, gerakan itu akan diketuai oleh isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

(END)